



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Kontrak di **Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa** seperti berikut:

	KURSUS	CAWANGAN KAMPUS
1	Bahasa Melayu	Melibatkan Semua Kampus

JAWATAN : GURU BAHASA (GRED DG9)

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan
ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- ii. Mempunyai latarbelakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- iii. Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan sarjana tersebut);
- iv. Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- v. Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh : calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 3);
- vi. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- vii. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE GURU BAHASA GRED DG9 :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda
- Bidang/Kelayakan Khusus
- i. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajaran Bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai tahap pengalaman, kemahiran dan kemampuan mengajar dalam bahasa berkaitan.
- Gaji Permulaan : RM2,470.00

CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Urusetia Bahagian Pentadbiran Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa melalui emel adminppib@ums.edu.my

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **4 Jun 2026 (Khamis)**.

*** Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh ENAM (6) bulan dari tarikh permohonan dikemukakan, maka permohonan tersebut dianggap tidak berjaya.**

MAKLUMAT LANJUT

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi:

PUAN ALNA TUGON

Ketua Pentadbiran

Pejabat Pentadbiran PPIB

No. Tel. : 088-320000 (No. Samb. : 212402)

E-mel : alna@ums.edu.my

NUR EZURIEN

Pembantu Tadbir (P/O)

Pejabat Pentadbiran PPIB

No. Tel. : 088-320000 (No. Samb. : 212402)

E-mel: ezurien@ums.edu.my